



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KARNIVAL MAKANAN WARISAN 1MALAYSIA MERIAHKAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016 DI TASIK TITIWANGSA

**KUALA LUMPUR, 27 Februari 2016** – Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Makanan Warisan 1Malaysia sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 di Taman Tasik Titiwangsa. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan.

2. Karnival Makanan Warisan 1Malaysia ini merupakan program baru dalam kalender sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini yang bertujuan untuk mengetengahkan lagi makanan warisan dari seluruh pelusuk tanah air dengan mengumpulkan para penjaja dari serata Malaysia bagi mempromosikan keistimewaan juadah negeri masing-masing di karnival ini selaras dengan tema iaitu “Makanan Warisan, Hari Ini dan Masa Hadapan”. Penganjuran karnival kali ini diadakan bagi meraikan komuniti penjaja dan peniaga kecil sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016. Berdasarkan statistik, terdapat lebih 60,000 penjaja dan peniaga kecil berlesen di seluruh Wilayah Persekutuan pada tahun 2015.

3. Karnival makanan ini menempatkan lebih 100 gerai jualan makanan tradisi dan 20 buah *foodtruck*. Pelbagai aktiviti menarik sepanjang karnival ini berlangsung bermula 26 sehingga 28 Februari 2016 antaranya demo masakan oleh chef-chef terkenal

tempatan dan wakil daripada negeri-negeri, persesembahan artis-artis budaya dan artis tempatan masa kini, cabutan bertuah, sukan air, permainan tradisional, kuiz, forum agama dan pertandingan memancing.

4. KWP dan DBKL dengan kerjasama TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan penjaja *food truck* dengan memberi subsidi sebanyak RM10 ribu kepada peserta program penjaja "food truck" untuk bayaran muka. Manakala TEKUN Nasional merupakan agensi pembiaya pinjaman bagi perolehan *food truck* ini. Pihak DBKL menyediakan spesifikasi *food truck*, lesen sementara dan lokasi bagi *food truck* ini beroperasi. Kerajaan berharap konsep "food truck" ini akan dapat membantu para penjaja meluaskan lagi peluang-peluang perniagaan dan seterusnya meningkatkan ekonomi masing-masing dan sekaligus menyumbang ke arah perkembangan ekonomi Negara.

5. Diharapkan agar program ini dapat memberi perspektif baru kepada masyarakat kota terutamanya, terhadap keunikan makanan warisan kita dan para penjaja serta peniaga kecil. Selain itu, dengan adanya program ini dapat memupuk semangat dan kerjasama yang erat di antara pihak KWP dengan persatuan-persatuan, komuniti penjaja dan peniaga kecil di seluruh Wilayah Persekutuan ke arah warga sejahtera dan ceria.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

27 Februari 2016